

Dari sejak itu berhentilah mereka bertiga dari datang ke Dār al-Arqam untuk mendengar ayat-ayat Qur'an yang dibacakan oleh Nabi Muhammad (S.A.W). Tetapi penyiaran Islam tetap tidak berhenti, sehari demi sehari siaran Islam tetap memancar menerangi ke seluruh pelusuk alam yang sedang gelap gelita ditutupi oleh suasana kejahilan dan kezaliman umat manusia. Pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh Qur'an tetap bergerak maju meruntuhkan segala kemungkaran dan kedujuan yang dilakukan oleh manusia yang sesat meraba-raba di jalan yang gelap. Al-Qur'ān tetap memelihara keagungan Islam dan menjadi suatu perbendaharaan bagi umat-umat Islam, daripadanyaalah mereka sentiasa mendapat hidayah dan pertunjuk.

(Dhālika al-kitābu lā rāyba fīhi hudan li al-muttaqīn)

"Itulah sebuah kitab yang tidak ada ragu-ragu di dalamnya menjadi pertunjuk buat orang-orang yang takwa."

– Sambungan dari muka 12 –

bertanggungjawab lalu orang-orang itu terlantar beberapa lama di Jeddah dengan tidak ada perbelanjaan – maklum perbelanjaan sudah habis dan tidak ada pula wang untuk membayar tambang-tambang pulang. Sekalipun ada kepadanya tiket bagi pulang tetapi kapal itu tidak datang mengambilnya. Dengan kerana peristiwa-peristiwa yang menyusahkan inilah kerajaan 'Arabiyyah Sa'ūdiyyah mengambil tindakan ini dan memerintahkan tiap-tiap kedutaannya berhati-hati di dalam soal ini supaya keselamatan orang itu sendiri terjamin dan kerajaan tidak memikul tanggungan-tanggungan yang tidak semestinya ditanggung oleh mereka.

Dengan penjelasan ini sepatutnya kita mesti bertimbang rasa dengan peraturan yang demikian dan hendaklah agensi-agensi kapal itu memerhatikan yang demikian ini iaitu sekiranya orang-orang yang hendak belayar itu membeli tiket maka hendaklah agensi-agensi itu mengambil surat akuan dari syarikat kapal yang dipajaknya atau syarikat kapal terbang yang dipajaknya yang termasuk di dalam golongan internasional.

Berita Dari Negara-negara Islam

Sungguhpun Kuwait hanya mempunyai penduduk

sebanyak 400,000 orang, tetapi di sana ada berdiri 116 buah sekolah kerajaan, 30 buah sekolah kanak-kanak kecil (kindergarten), 73 buah sekolah permulaan, 43 buah sekolah sambungan, 5 buah sekolah menengah dan 15 buah lain-lain sekolah yang mempunyai murid sebanyak 79,122 orang penuntut termasuk daripadanya 32,509 orang penuntut perempuan. Mereka ada mempunyai 4215 orang guru termasuk 1,974 orang guru perempuan di dalam mana 74 peratus daripadanya orang-orang Kuwait sendiri dan 26 peratus daripadanya orang-orang yang bukan daripada orang-orang Kuwait. 840 orang penuntut Kuwait yang dibantu oleh kerajaan menuntut di dalam beberapa bahagian seperti undang-undang, perniagaan, sains, perubatan dan engineer di luar negeri.

Hospital-hospital di Kuwait mempunyai alat-alat baharu, dan modern, sekarang di sana ada tiap-tiap 700 orang penduduk mempunyai seorang doktor. Di sana juga ada sepuluh buah hospital, 3,000 buah katil dalam hospital, 37 klinik, 49 dispensari (rumah ubat), 128 rumah ubat sekolah, 4 buah pusat kesihatan, 24 buah klinik gigi dan 2 buah sanatorium penyakit batuk kering.

* * *

Syed Hussein, Sheikh al-Hijaz yang terkenal itu mengetuai suatu rombongan penduduk Mekah membawa sekeping cek berharga 330,000 riyal kepada duta Pakistan di Jeddah yang dihadiahkan kepada pertahanan Pakistan. Di dalam menyerahkan cek itu, beliau berkata, "Pakistan ialah pertahanan kaum Muslim dan kita adalah berbesar hati kepada keberanian tenteranya, kita berharap Kashmir tidak lama lagi akan dibebaskan."